

Baru-baru ini dikenalkan seorang kenalan daripada seorang kadi telah berjumpa di dalam sebuah teks dan orang itu dengan rupa persahabatan setelah bertanya khabar kepada kadi lalu bertanya pula: Di mana tuan kadi tinggal sekarang? Dengan tidak disangka-sangka kadi itu kononnya menjawab: “Saya tinggal di belakang jel bersama-sama dengan monyet.” Orang itu terperanjat mendengar jawapan si kadi itu demikian serta terpegun – tetapi kalau kita dijawab begitu, kita tentu berkata patutlah jawapannya begitu oleh kerana tukang-tukang nikah itu memandangi jiran-jirannya monyet sebab itulah ia tidak penting mengkahwinkan bini orangkah ia, belum cukup iddahkah ia, boleh fasakhkah ia sebab ia pandang semuanya monyet – boleh pakai borong.

-----*-----*-----

Bukti lebih jauh atas perkara di atas banyak sebahagian daripadanya kita dapat tahu kononnya ada register nikah yang ditulis Singgam telah kahwin dengan Fatimah binti Fulan. Ini sudah tentu senang dapat wang, tetapi kadi-kadi mesti ingat bahawa jel Allah nanti akan dapat menghukumkan walaupun ia berdalih bagaimana jua. Ingat! Jangan membuat kerja yang merosakkan nama agama dan merosakkan sebutan agama dengan kerana cuai.



KOPI PAHIT

-----*-----*-----

Lagi satu, jika tidak khilaf telah tersiar di dalam sebuah akhbar Inggeris, kadi menuntut supaya bayaran surat cerai itu dinaikkan empat atau lima kali ganda dengan alasan bahawa hanya sedikit sahaja orang yang bercerai – nampaknya kadi-kadi berdoa siang malam supaya banyak orang bercerai supaya banyak dapat. Apa dia dapat? TST. Kerana banyak dapat itulah barangkali ia lupa bahawa cerai itu ialah seperkara yang dibenci Tuhan dan sebab itulah kepadanya ditanggungkan supaya menyiasat dengan halus perselisihan suami isteri supaya mereka itu jangan bercerai tetapi sebaliknya dunia punya

fasal kadi mau banyak orang bercerai supaya banyak dapat.

-----*-----*-----

Perkara yang semacam ini patut diperhati oleh kerajaan. Undang-undang atas kadi mesti diketatkan dan Ahli-ahli Musyawarah Islam atau Majlis Islam Penasihat kerajaan mesti menuntut suatu pentadbiran berkenaan dengan hal ehwal orang Islam yang teratur kalau tidak lebih baik Majlis Islam Penasihat Kerajaan itu tutup sahaja kerana tidak ada gunanya kalau tidak berani menengahkan perkara-perkara yang mesti diketegahkan.

-----*-----*-----

Persekutuan Guru-guru Melayu Singapura sebulat suara nampaknya menyertai rancangan pelajaran yang di antaranya kanak-kanak sesudah tiga tahun baru belajar menulis Jawi. Syabas! Tulisan jawi menghalang kemajuan sebab ia nanti berbau agama sedang agama mengharamkan konsert di antara lelaki dan perempuan.

Adakah guru-guru lupa buat tak nampak? Orang di Jawa sekarang mulai belajar huruf Jawi – kita pula membuangnya dan guru-guru suka supaya anak-anak semata-mata belajar Rumi tetapi guru-guru lupa dalam sedikit masa lagi guru-guru akan kehabisan mata pencarian apabila guru-guru yang akan mengajar mesti pas sembilan Inggeris – kalau sudah jadi begitu apa kata? Kita mau jadi peon sahajakah selama-lamanya?

-----*-----*-----

Ingat bukan tulisan punca menjadi kemajuan. Kemajuan ini bergantung kepada semangat, kalau guru-guru tidak menanamkan semangat percaya kepada diri sendiri kepada anak-anak kita dan yakin bahawa agama Allah itulah sahaja yang membawa keselamatan kita di dunia dan akhirat maka selama itulah kita akan dipijak orang – kita akan menerima bencana dunia dan akhirat. Orang bertepuk tangan, kita yang menderita. Tuntutlah kemajuan tetapi janganlah melanggar agama selagi mau mengaku beragama Islam – kalau tidak mana-mana patutlah.....

– Cemeti Al-Farouk